

21 SEP 1999

Abdullah-Nik Aziz

HARAMKAN BN TUNJUK SIKAP TIDAK TOLERAN NIK AZIZ

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat bahawa UMNO dan Barisan Nasional (BN) akan diisytiharkan haram jika beliau dilantik menjadi Mufti Kelantan, menunjukkan sikapnya yang tidak toleran.

"Semua nak haram, nak tutup. Suratkhbar nak tutup, TV nak tutup, parti nak haram semua," kata Abdullah kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Hak Muslim di Negara Majoriti Bukan Muslim anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Nik Aziz di Kuching semalam bahawa perkara itu adalah tindakan pertama yang akan dilakukannya jika beliau dilantik ke jawatan berkenaan oleh UMNO.

Sebelum ini, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah telah berkata UMNO Kelantan sedia memberi kemenangan tanpa bertanding kepada Nik Aziz pada pilihan raya akan datang, jika beliau setuju menerima pelantikan sebagai Mufti Kelantan.

Abdullah berkata dalam hal ini kerajaan BN bersikap lebih toleran kerana kalau hendak diikutkan sudah banyak gesaan meminta kerajaan bertindak termasuk melarang penggunaan label Islam oleh PAS.

Mengenai pandangan sesetengah pihak bahawa kerajaan tidak melaksanakan Islam sepenuhnya di negara ini, Abdullah berkata memang banyak lagi yang perlu dilakukan bagi memenuhi tuntutan agama.

"Saya sendiri, (Perdana Menteri Datuk Seri) Dr Mahathir pun tidak pernah berkata kita sudah buat sepenuhnya," kata beliau.

Katanya usaha membangunkan negara, bangsa, ummah mengambil masa yang lama tetapi sedikit demi sedikit, kerajaan membuktikan ada kejayaan yang sudah dicapai.

Abdullah berkata Islam sendiri mengambil masa untuk maju iaitu di bawah pemerintahan beberapa Khalifah.

"Islam yang maju pun mengambil masa baru jadi berkembang pesat. Bukan semua berlaku pada zaman Rasulullah," kata beliau.

Bagaimanapun, Abdullah berkata pandangan yang mengatakan kerajaan tidak berbuat apa-apa langsung untuk Islam adalah tidak benar dan tidak akan disetujui sesiapa pun kecuali mereka yang mempunyai pandangan serupa.

"Yang kata kita tidak buat apa langsung tu ada mata tak nampak, ada hati tak terbuka dan ada otak tak fikir. Kenyataan ini mungkin dikatakan kasar tetapi inilah kenyataannya," katanya.

Mengenai pendekatan melaksanakan Islam yang dikatakan lembut, Abdullah berkata negara tidak akan dapat mencapai kejayaan yang dinikmati selama ini kalau tidak menggunakan pendekatan itu.

"Pendekatan secara berkeras (akan menyebabkan) perkelahian sepanjang masa ... bukan kekerasan baik sepanjang masa. (perlu) ada hikmah, tunjukkan cara yang lebih baik," katanya.

Ketika diminta mengulas laporan bahawa para penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bukan Islam menggunakan Masjid Negara untuk menyatakan tentangan terhadap kerajaan, Abdullah berkata mereka sepatutnya tidak bertindak dan membuat perkara yang sensitif dan menimbulkan kemarahan orang dan penganut agama tertentu.

"Masjid tempat ibadah, bukan tempat orang bukan Islam mencari sokongan atau mendengar dia bercakap. Mereka perlu sensitif, bila tidak sensitif inilah membawa kepada keadaan kelam-kabut.

"Kita tidak larang orang bukan Islam pergi ke masjid atau melawat masjid... tetapi ia bukan tempat untuk membuat seruan yang boleh melahirkan kebencian dan tindakan yang boleh merosakkan keadaan," kata Abdullah.

-- BERNAMA

SBJ NMO